

Lawatan PM kembalikan keakraban

BH - 8 MAR 2000

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

ESOK, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memulakan lawatan dua harinya ke Indonesia untuk merapatkan hubungan dua hala. Lawatan Perdana Menteri itu juga adalah lanjutan proses perundingan antara pemimpin kedua-dua negara di samping memenuhi jemputan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid atau Gus Dur.

Tidak seperti jemputan diplomatik lain, Gus Dur, menghantar Menteri Luarnya, Alwi Shihab dua minggu lalu untuk menyampaikan hasrat Jakarta itu. Jemputan itu dianggap sebagai suatu penghormatan kepada Malaysia. Sebagaimana dijelaskan oleh Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Syed Albar, ia dilihat sebagai satu prosedur luar biasa kerana menteri luarnya sendiri yang menyampaikan jemputan itu.

"Ini adalah penghormatan kepada kita. Ia juga menandakan hubungan akrab antara Malaysia dan Indonesia," kata Syed Hamid.

Pertemuan mereka kali ini adalah susulan pertemuan antara kedua-dua pemimpin ketika menghadiri Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) di Bangkok baru-baru ini.

Penganalisis menganggap jemputan itu membayangkan kekaguman Indonesia terhadap kemampuan negara ini dapat keluar daripada kemelut ekonomi tanpa meminta bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)

seperti beberapa negara Asia lain termasuk Indonesia sendiri. Ia juga dianggap sebagai satu langkah yang baik untuk Gus Dur mengembalikan keakraban Indonesia dan Malaysia, selepas berlaku beberapa ketegangan dari segi pendapat dan pendekatan membabitkan kedua-dua negara sebelum ini.

"Pada masa yang sama, ia juga menunjukkan Indonesia mengiktiraf kekuatan ekonomi Malaysia sehingga mereka ingin mempelajari selok-belok negara ini membangunkan ekonominya," kata Pengarah Eksekutif Pusat Kajian Strategik Malaysia, Abdul Razak Baginda.

Malaysia dianggap pilihan yang tepat untuk membantu Indonesia untuk memulihkan ekonomi republik itu. Dalam lawatan rasmi ke Singapura sebelum ini, Gus Dur melantik Menteri Kanan negara itu, Lee Kuan Yew, sebagai Penasihat ekonomi Indonesia. Bulan lalu, Gus Dur turut melantik bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Henry Kissinger sebagai Penasihat Politikinya dalam usaha beliau mengatasi pelbagai krisis politik dan ekonomi yang dihadapi Indonesia. Bagaimanapun, pelantikan Kissinger itu mendapat bantahan Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais kerana berpendapat Indonesia tidak memerlukan kuasa asing untuk menentukan corak politik dan ekonominya.

Bantahan itu bukan saja daripada pihak MPR,

ANALISIS

malah ramai yang mempertikai tindakan Gus Dur melantik seorang yang berketurunan Yahudi menjadi penasihat politiknya, apatah lagi kerana Indonesia adalah sebuah negara yang mempunyai bildngan umat Islam terbesar di dunia.

Apa jua strategi Gus Dur dalam menangani masalah negaranya, apa yang lebih penting ialah hubungan dua hala antara Indonesia dan Malaysia perlu diperkukuhkan.

Hubungan kedua-dua negara jiran itu adalah sebagai satu pertalian kekeluargaan. Masalahnya, Indonesia terlalu memikirkannya sebagai abang dan dengan itu masih merasakan Malaysia adalah pesaing hebatnya. Tambahan pula, selepas kejatuhan Suharto, Malaysia tents memainkan peranan dalam menghulurkan bantuan kepada masalah negara itu.

"Kadangkala, ini boleh menyebabkan mereka (Indonesia) berasa maruah diri terjejas kerana berpendapat sebagai abang, mereka perlu memainkan peranan lebih utama. Bagaimanapun, lawatan Dr Mahathir nanti mungkin boleh menjadi pembuka jalan yang lebih luas untuk memperbaiki hubungan rapat antara kedua-dua negara ini," kata Razak.

Lawatan itu juga diharap membuka pandan-

Malaysia, Indonesia

gan media Indonesia yang selama ini sering mempunyai tanggapan negatif terhadap Malaysia.

Wujudnya sentimen 'anti-Malaysia' di kalangan sesetengah media republik itu yang agak gah dengan keadaan kebebasan mereka hingga mengandaikan persamaan pemerintahan Malaysia kini dengan pemerintahan Suharto. Pandangan demikian ini adalah disebabkan terlalu banyak sogokan daripada media asing yang jelas menyelitkan pelbagai propaganda dan kepalsuan dalam laporan mereka.

Bagi tokoh politik dan ahli pemiagaan di Indonesia, lawatan Dr Mahathir itu juga mungkin memberi peluang baik kepada mereka untuk menggarap maklumat sebenarnya mengenai negara ini terutama dari aspek politik, pelaburan dan peluang perniagaan.

Ini kerana, lawatan itu turut disertai 1.50 anggota delegasi termasuk empat menteri serta anggota Parlimen, usahawan dan pemimpin pertubuhan belia. Menteri-menteri berkenaan ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Dalama lawatan itu, Dr Mahathir akan menyaksikan tiga majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara syarikat swasta Malaysia dengan Indonesia. MoU itu memba-

bitkan Syarikat Three Intity Sdn Bhd dengan PT Astra Graphia untuk membangunkan sistem e-Procurement di Indonesia.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) juga akan menandatangani MoU dengan Komisaris Indosat bagi membangunkan perbadanan multimedia di Indonesia. Usaha membangunkan jalan raya di Jakarta juga turut dilaksanakan syarikat negara ini, First Perpec Prime yang akan menandatangani MoU dengan satu konsortium Indonesia yang mengandungi empat syarikat - Citra Bakti Marga Terma Persoda, Citra Matram Siatria Marga Persoda, Jakarta Lingkar Barat dan Marga Nuriando Bhakti.

Selain itu sebuah syarikat Malaysia, dikenali TOBEX, anak syarikat TIPCO, juga dijangka menjalinkan perjanjian kerjasama dengan syarikat swasta Indonesia (Wira Buano) untuk mengeluarkan minyak dan gas di Jawa Utara dan Jambi yang bernilai AS\$200 juta (RM760 juta).

Diharapkan kerjasama yang antarajalin kelak dapat mengukuhkan lagi silaturahim antara kedua-dua negara. Sebagai negara Islam, Malaysia akan terus menghulurkan bantuan kepada negara-negara Islam lain termasuk Indonesia.

Bantuan ini bukanlah bermakna Malaysia ingin menunjuk-nunjuk kepada masyarakat antarabangsa, tetapi Malaysia tidak ingin melihat negara yang seagama, diperkotak-katikan oleh kuasa asing dengan sewenang-wenangnya.